

Swee Keat: Prinsip pemerintah S'pura bantu rakyat capai potensi tanpa kira latar belakang

MEMBOLEHKAN rakyat mencapai potensi tanpa mengambil kira latar belakang mereka adalah antara prinsip utama pemerintahan Singapura, kata Timbalan Perdana Menteri Heng Swee Keat.

Ini merangkumi pelaburan dalam pendidikan awal kanak-kanak, menyediakan pelbagai laluan untuk berjaya dan membantu warga belajar sepanjang hayat supaya mereka boleh bersaing bagi pekerjaan baru dan mengikuti kemajuan teknologi, tambah beliau, dalam laporan *The Straits Times*.

Pada masa yang sama, pemerintah juga bekerjasama dengan masyarakat untuk membina negara yan menyediakan peluang bagi rakyatnya, kata Encik Heng semalam dalam ucapan dasar yang disampaikannya di satu sidang antarabangsa di Singapura.

Satu cara pemerintah berbuat demikian adalah dengan bekerjasama dengan pekerja sosial dan pertubuhan kebajikan sukarela (VWO) untuk membentuk dan melaksanakan dasar untuk membantu kanak-kanak berkeperluan khas.

Memperkasa rakyat supaya mencapai potensi penuh adalah salah satu daripada tiga prinsip pemerintahan Singapura, suatu yang telah mendatangkan manfaat bagi Singapura, kata Encik Heng, yang berucap di hadapan lebih 550 peserta persidangan yang diadakan di Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Dua lagi prinsip adalah menggunakan kekuatan dalam kepelbagaian yang ada di sini dan menyusun rancangan jangka panjang dengan memikirkan keperluan generasi masa depan.

"Pemerintahan yang baik telah membolehkan negara pulau kecil ini, yang tiada sumber alam dan bergantung kepada rakyatnya, berjaya," kata Encik Heng, yang menambah masih ada banyak yang boleh dipelajari daripada pihak lain.

Beliau berkata demikian di majlis pembukaan persidangan empat hari yang dian-



PERLU PERKASA RAKYAT CAPAI POTENSI PENUH: Demikian antara inti ucapan Timbalan Perdana Menteri, Encik Heng Swee Keat, semasa berucap di pembukaan persidangan anjuran Pusat Nanyang bagi Pentadbiran Awam NTU dan Institut Antarabangsa bagi Sains Pentadbiran (IIAS). – Foto NTU

jurkan oleh Pusat Nanyang bagi Pentadbiran Awam NTU dan Institut Antarabangsa bagi Sains Pentadbiran (IIAS), sebuah pertubuhan tidak mengambil untung yang berpangkalan di Belgium. Persidangan itu turut disokong oleh Yayasan Lien.

Persidangan IIAS-Lien 2019 yang bertema 'Pemerintahan Berkesan, Bertanggung-

jawab dan Insklusif' itu akan membincangkan ciri-ciri pemerintahan baik di bawah rangka kerja umum Agenda bagi Pembangunan Berdaya Tahan 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Encik Heng juga berkata bahawa pemerintahan yang baik memupuk kekuatan dalam kepelbagaian yang wujud dalam ka-

langan rakyatnya, yang mempunyai berbilang identiti mengikut kaum, agama, jantina, generasi, kedudukan sosio-ekonomi dan kepentingan masing-masing.

Sebaliknya, tambah beliau, kepelbagaian boleh menjadi sumber perpecahan dalam masyarakat.

"Kepelbagaian boleh menjadi satu

"Pemerintahan yang baik telah membolehkan negara pulau kecil ini, yang tiada sumber alam dan bergantung kepada rakyatnya, berjaya...

Kepelbagaian boleh menjadi satu kelebihan jika kita meraih kekuatan daripada perbezaan itu dan menetapkan matlamat yang sama...

Dengan cara meneroka pelbagai idea dan pendapat bagi isu-isu, kita bereksperimen dengan beberapa huraian yang sesuai dan mencari persamaan... mengatasi cabaran dan merebut peluang bersama."

– Timbalan Perdana Menteri,
Encik Heng Swee Keat.

kelebihan jika kita meraih kekuatan daripada perbezaan itu dan menetapkan matlamat yang sama," kata Encik Heng.

"Dengan cara meneroka pelbagai idea dan pendapat bagi isu-isu, kita bereksperimen dengan beberapa huraian yang sesuai dan mencari persamaan... mengatasi cabaran dan merebut peluang bersama," tambah beliau.